

06 OCT 1996

Suharto - Lawatan (Bergambar)

SUHARTO TIBA UNTUK LAWATAN KERJA DUA HARI

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Presiden Suharto diberi sambutan tradisional setibanya di sini hari ini untuk lawatan kerja dua hari bagi memperkukuhkan hubungan dua hala dan meningkatkan kerjasama perdagangan dan ekonomi.

Beliau disambut di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Yang turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat.

Presiden Indonesia itu yang diberi sambutan tradisional diiringi oleh Menteri Negara Moerdiono dan 48 pegawai kerajaan. Menteri Luar Indonesia Ali Alatas telahpun berada di sini.

Lawatan itu, atas undangan Dr Mahathir, ialah sebahagian daripada pertemuan dua hala dari semasa ke semasa antara kedua-dua pemimpin.

Malam ini, Perdana Menteri akan meraikan Suharto pada majlis jamuan di kediaman beliau di Sri Perdana.

Pemimpin Indonesia itu dijadualkan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa di Jabatan Perdana Menteri esok.

Suharto kemudian akan menghadiri majlis santapan tengah hari oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim juga dijadualkan mengunjungi Suharto. Pemimpin Indonesia itu akan berlepas pulang pada sebelah tengah hari.

Kali terakhir Dr Mahathir dan Suharto bertemu ialah di Bogor, Indonesia, selepas menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada Nov, 1994. Kali terakhir Suharto melawat Malaysia ialah pada 1993. -- BERNAMA

ES FAZ